



Produk UPM Lambat Kebakaran Menang Emas Geneva



Dari kanan Prof. Madya Dr. Sa'ari Mustapha, Prof. Madya Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah dan Prof. Dr. Jamilah Bakar.

SERDANG, 7 Mei – Saintis Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memenangi pingat emas dalam Pameran Antarabangsa Rekacipta Teknik dan Produk (INTPG) kali ke-37 di Geneva, Switzerland melalui hasil produk yang boleh melambatkan kebakaran bangunan.

Prof. Madya Dr. Sa'ari Mustapha memenangi pingat itu melalui produk New Prospective Polyurethane Clay Nanocomposites for Fire Retardant iaitu sejenis lapisan pada konkrit dan kayu yang boleh menjadi penebat atau pelambat kebakaran.

"Memandangkan keberkesanan penggunaan pemadam api dipersoalkan dan didorong oleh desakan meningkatkan keselamatan bangunan daripada sabotaj pegganas, permintaan nanokomposit dijangka akan meningkat pada masa depan," katanya.

Beliau berkata produknya direka menggunakan nanokomposit polyurethane berteknologi hijau hasil minyak bijan.

Dr. Sa'ari turut memenangi pingat perak melalui penyelidikannya yang bertajuk Application of A Newly Synthesised Poly (Npam) by Electron Beam Irradiation for Affinity Precipitation of Valuable Enzyme.

Pingat perak lain dimenangi oleh pensyarah Jabatan Teknologi Makanan, Fakulti Teknologi dan Sains Makanan Prof. Dr. Jamilah Bakar dengan produk Halal Collagen from Freshwater Fish Skins.

Beliau berkata penyelidikan yang menghasilkan kolagen halal dari kulit ikan air tawar telah digunakan secara meluas sebagai bahan dalam formulasi, pemprosesan makanan, farmasi dan industri kosmetik.

Bagi pingat gangsa pula dimenangi oleh penyelidik Laboratori Tanaman Perladangan Institut Pertanian Tropika, Prof. Madya Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah dengan produk Leaf-Specific Promoter from Oil Palm for Driving leaf-Specific Expression in Transgenic Plants.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.